



AKHBAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	6/1/2020	MUKA SURAT	:	31
JABATAN	:	JPSM			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

# Henti teroka hutan Kledang Saiong

Penduduk Taman  
Chepor Sentosa  
bimbang kesan  
penerokaan

Oleh SAIFULLAH AHMAD

CHEMOR

**P**enduduk Taman Chepor Sentosa di sini membantah tindakan pihak yang meneroka hutan Kledang Saiong kerana bimbang berlaku kejadian bencana alam.

Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Taman Chepor Sentosa, Shamsul Kamar Ani berkata, bantahan tersebut dibuat kerana bimbang kesan yang akan diterima penduduk memandangkan kerja-kerja penerokaan tersebut sangat hampir dengan kediaman penduduk.

Menurutnya, tindakan penduduk membuat bantahan tersebut berasas ekoran kejadian banjir lumpur yang pernah berlaku beberapa tahun lepas disebabkan penerokaan secara haram untuk tujuan pertanian.

"Kita bimbang projek yang sedang dijalankan di kawasan itu akan menyebabkan kesan-kesan buruk seperti tanah runtuh, banjir kilat dan banjir lumpur.

"Dalam dua, tiga tahun lalu pernah berlaku banjir lumpur di kawasan perumahan ini akibat penerokaan secara haram untuk tanaman jagung namun sampai sekarang masalah itu belum pun diselesaikan," katanya pada sidang akhbar di Dewan Surau Taman Chepor Sentosa di sini semalam.




FOTO: KUASA

Kawasan penerokaan yang begitu hampir dengan kawasan taman perumahan dibimbangi memberikan kesan alam sekitar kepada penduduk setempat.

Shamsul Kamar berkata, dalam keadaan penerokaan pada skala kecil itu pun memberi kesan kepada penduduk, penerokaan kawasan hutan Kledang Saiong itu pasti akan memberi impak besar kepada kawasan yang didiami lebih 1,000 penduduk.

"Laporan polis juga sudah dibuat berkenaan isu penerokaan tersebut bagi mendesak tindakan segera dibuat terhadap kebimbangan penduduk," katanya.

Pengerusi Surau Taman Chepor Sentosa, Datuk Ahmad Mohd berkata, tindakan penerokaan hutan Kledang Saiong itu juga menimbulkan persoalan dalam kalangan penduduk bagaimana boleh diluluskan sedangkan kawasan Lembah Kinta telah diisytihar sebagai kawasan Geopark Kebangsaan oleh Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah.

"Hentikanlah segera penerokaan hutan di kawasan itu. Bukan sahaja ia mengganggu

ketenteraman, keselamatan, kesejahteraan penduduk, bahkan melanggar titah Sultan Perak yang mengisytiharkan Lembah Kinta sebagai kawasan Geopark Kebangsaan," katanya.

Dalam pada itu, tinjauan yang dibuat oleh Persatuan Aktivis Sahabat Alam (Kuasa) menerusi dron mendapati jarak kawasan hutan yang diteroka kira-kira 50 meter dari kawasan perumahan tersebut.

Malah dalam tinjauan itu juga kelihatan pergerakan kenderaan dipercayai lori di kawasan tersebut.

Sebelum ini, isu penerokaan kawasan tersebut pernah didedahkan oleh Sahabat Alam Malaysia (SAM) pada 8 Disember tahun lalu.

Presiden SAM, R Meenakshi berkata, daripada pemerhatian pihaknya mendapati kawasan pembalakan yang merupakan sebahagian kawasan Geopark Lembah Kinta itu telah dimusnahkan dan dieksploitasi sejak 1 November lalu.



Penduduk Taman Chepor Sentosa berkumpul bagi membantah peneroka hutan Kledang Saiong yang dibimbangi akan memberi kesan buruk kepada mereka.